Kosmo Ahad 13/4/2011

# Piza Pah dapat pujian

**Syarifah Rofiah jual piza kerana tidak mahu ahli keluarga diserang penyakit kencing manis.**




**SHARIFAH ROFIAH** ingin memasarkan Pizza Pah di pasar raya utama di seluruh negara.

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM
megatlutfi.rahim@kosmo.com.my

WANITA yang berasal dari Rantau Panjang, Kelantan ini cukup berdisiplin dalam setiap perkara yang dilakukan. Beg komputer riba yang dibawanya ke mana-mana pasti berisi fail-fail perniagaan di samping diari yang mengandungi jadual aktiviti harian.

Rumahnya pula sekadar menjadi lokasi rehat pada waktu tengah malam dan hujung minggu setelah penat bekerja seharian.

Malah, putaran masa selama 24 jam bagaikan tidak mencukupi bagi Pengarah Urusan Pizza Pah Foods Sdn. Bhd., Sharifah Rofiah Syed Hassan, 45.

"Wilayah Pattani pula ibarat rumah kedua keluarga saya. Tetapi nasib baik arwah bapa tidak menjadikan urusan di negara itu sebagai alasan untuk mencari isteri kedua," katanya dalam nada bergurau.

Bidang perniagaan sudah sebati dalam diri Rofiah sejak berumur lima tahun lagi.

"Saya menjual buah rambutan dan manggis di sekolah pada harga 20 dan 30 sen sebungkus. Saya sendiri yang panjat pokok buah-buahan itu sebelum menjualnya," ujar Rofiah.

Menurutnya lagi, wang hasil jualan buah-buahan itu di samping jualan keropok menyebabkan beliau tidak berharap pada wang saku

mendapat sambutan yang baik tetapi anak-anak saya gemar makan kek itu

**EKSTRA**
**Sharifah Rofiah Syed Hassan**

**Asal:** Rantau Panjang, Kelantan

**Umur:** 45 tahun

**Jawatan:** Pengarah Urusan Pizza Pah Foods Sdn. Bhd.

**Pendidikan:** Sijil bahagian pemakanan dari Kolej Ratu Elizabeth di Wellington, New Zealand

**Status:** Berkahwin dan dikurniakan empat orang anak

**Hobi:** Berjoging dan membaca buku

**Prinsip hidup:** Semua insan boleh berjaya jika berusaha bersungguh-sungguh

- Terdapat pelbagai jenis perisa piza yang dipasarkan Rofiah antaranya hawaiian chicken, seafood, tuna, sosej ayam, daging dan vegetarian
- Maklumat lanjut mengenai Pizza Pah boleh diperoleh dengan melayari laman web www.pizzapah.com.my



**PIZZA PAH** pada mulanya hanya dijual secara kecil-kecilan dari rumah.



**NAJIB** mencuba piza Pah pada satu ekspo makanan di Pahang.

Foto